

15 JANUARI 2018

Polis rampas serbuk jus buah-buahan bercampur ekstasi

Polis rampas serbuk jus buah-buahan bercampur ekstasi



SEBAHAGIAN serbuk ekstasi bercampur serbuk jus buah-buahan yang dirampas polis di Jalan Kapor, Kuching Jumaat lalu

KUCHING - Seorang penganggur yang disyaki secara aktif mengedar dadah sejak setahun lalu di sekitar bandar ini diberkas polis di dalam sebuah kereta di Jalan Kapor di sini Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Superintendan Sahar Abdul Latif berkata, suspek berusia 29 tahun itu ditangkap pada pukul 7.30 malam ketika dia dipercayai hendak mengedar dadah di situ.

"Hasil pemeriksaan menemui tiga pekete plastik merah dan satu pekete plastik berwarna ungu mengandungi

campuran jus buah-buahan dan serbuk ekstasi di bawah pelapik kaki pemijak brek kereta itu.

"Selepas didesak, suspek membawa polis ke rumahnya di Jalan Lapangan Terbang Baru dan menemui sebuah kotak di atas meja ruang tamu yang mengandungi lima pekete plastik warna merah dipercayai serbuk jus buah-buahan dan serbuk ekstasi serta dua pekete plastik lut sinar berisi ketulan kristal dipercayai ketamin," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, polis turut menemui tiga lagi pekete

plastik lut sinar juga mengandungi campuran serbuk jus buah-buahan dan ekstasi, satu pekete plastik lut sinar berisi enam biji pil eramin 5 dan satu pekete plastik lut sinar berisi dedaun kering disyaki ganja.

Katanya, nilai rampasan kesemua jenis dadah tersebut dianggarkan lebih RM6,000.

"Polis turut merampas wang tunai berjumlah RM1,401 serta kereta Honda milik suspek," ujarnya.

Jelasnya, suspek didapati positif dadah dan dia kini ditahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.